

08/02/2001

Badan Bertindak Melayu perlu kaji semula peranan

Jamhariah Jaafar

TEMANYA saja sudah cukup untuk membakar semangat anak Melayu. Ramai yang hadir untuk mendengar nasihat dan pesanan daripada bekas pemimpin yang masih disegani mengenai situasi yang melanda bangsa Melayu hari ini dan langkah terbaik mengeratkan kembali perpaduan yang semakin longgar.

Namun, semangat berkobar-kobar hanya seketika sedangkan ucapan berapi-api ternyata bukan yang diharapkan. Yang hadir bukan ingin mendengar siapa yang salah dan siapa yang benar, tetapi bagaimana caranya orang Melayu dapat kembali bersatu.

Di atas pentas, duduk bersila pemimpin lama, malah ada yang datang dengan berkerusi roda, berkobar-kobar untuk menyemarakkan kembali semangat jati diri Melayu yang semakin terhakis oleh kemelut politik yang tidak kunjung padam.

Justeru, ramai yang menghidu sejarah lama perjuangan nenek moyang, terutama kejayaan mereka menentang Malayan Union - menjadikan generasi muda yang hadir tertanya-tanya di mana relevannya sejarah lama dengan pertikaian sesama Melayu yang berlaku sekarang?

Sekiranya fokus ucapan lebih terarah kepada 'pengapian' mengapa bangsa Melayu perlu bersatu untuk menentukan masa depan yang lebih gemilang, bukannya menjadi pentas menghentam kerajaan, sudah tentu majlis Ahad lalu akan terus sesak hingga ke akhir.

Paling menyedihkan ialah rata-rata mereka yang berada di atas pentas ialah bekas pemimpin Umno yang pernah dijulang, tetapi mengkritik tanpa batas kerajaan yang ditunjangi oleh parti Melayu itu.

Tanpa bersandar kepada fakta atau statistik, mereka 'membelasah' kerajaan yang berlatar belakangkan Umno, seolah-olah kerajaan tidak pernah melakukan sesuatu untuk meningkatkan martabat bangsa.

Kritikan yang turut diuruskan kepada pemimpin tertinggi Umno amat dikesalkan oleh kebanyakan yang hadir kerana kehadiran mereka bukan untuk mendengar cercaan dan kritikan terhadap pemerintah oleh beberapa bekas pemimpin Umno yang boleh dikatakan masih disegani.

Tema 'Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia' memang sedap didengar, tetapi seperti kata seorang pemedato pada hari berkenaan, Hang Tuah memang mengucapkan perkataan demikian. Tetapi balasan Jebat mungkin seperti ini: "Adalah sedih kerana kita bertikam sesama sendiri, alangkan baiknya kekuatan ini disatukan untuk kebaikan semua bangsa Melayu."

Antara pemimpin veteran yang memberi ceramah pada hari itu ialah Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Khalid Yunus; Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Suleiman Mohamed; bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba; bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Ali; bekas Ketua Pemuda Umno, Datuk Suhaimi Kamaruddin; bekas Ahli Exco Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Zakaria Said; bekas Ahli Parlimen, Tamrin Ghaffar, dan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Datuk Mazlan Harun. Turut hadir ialah dua tokoh politik veteran, Tan Sri Ghazali Shafie dan Datuk Harun Idris.

Justeru, walau apapun juga ulasan Ibrahim selaku Pengerusi Badan Bertindak Melayu (BBM) yang menganjurkan majlis berkenaan, hakikatnya ialah bangsa Melayu tidak boleh lagi terus bersandar kepada sejarah lama dan nostalgia untuk memulihkan semangat Melayu yang semakin terhakis.

Penentangan Malayan Union membabitkan tentangan Melayu ke atas penjajahan British dan tragedi 13 Mei adalah rusuhan kaum antara Melayu dan Cina. Masalah dihadapi sekarang ialah pertembungan sesama saudara,

maka adalah tidak wajar sesiapa ditempelak sebegitu rupa kerana ia hanya akan mengeruhkan lagi keadaan.

Tan Sri Prof Awang Had Salleh, ketika diajukan persoalan tidak menafikan kebanyakan mereka yang berucap rata-rata berdasarkan emosi yang diharap dapat membakar semangat mereka yang hadir tanpa bersandar kepada fakta yang sah.

"Mungkin itu adalah cara mereka untuk mengejutkan rakyat. Ya, saya setuju mereka tidak bercakap berdasarkan fakta," katanya ketika ditemui selepas perhimpunan itu.

Justeru, tidak ada siapa yang terkejut apabila tokoh pendidik bersuara lembut itu melahirkan perasaan kecewa dan berasa 'keliru dan tertipu' dengan majlis yang diharapkannya dapat menjadi pentas untuk menyedarkan bangsa Melayu.

Suara lantang pemimpin veteran itu turut mengejutkan pemerhati politik luar yang hadir dan mereka berpendapat segelintir daripada kumpulan pengasas itu mempunyai agenda peribadi.

Kata mereka, dalam Umno tidak mempunyai seorang wira atau hero, ada di kalangan pengasas BBM itu kelihatan seperti mahu muncul sebagai pejuang bangsa Melayu di kalangan ahli Umno.

Ibrahim ketika ditemui berkata, semua penceramah sebenarnya sudah berbincang mengenai tajuk yang akan dibawa masing-masing dan agenda utama mereka ialah untuk membawa isu Melayu yang masih tidak terbela sepenuhnya.

"Kerana itu kita sebut mengenai soal kepentingan Melayu seperti isu petani, nelayan, kakitangan kerajaan dan kami bawa suara mengapa mereka tidak gembira dan kami ingin kerajaan menangani masalah ini.

"Ketika ini terdapat 'vacuum' dalam konteks kerajaan kerana tidak ada siapa yang membela mereka (golongan yang didakwa tidak terbela nasib mereka). Semua nak jadi pengampu, tidak ada siapa yang ingin menyuarakan perasaan golongan ini.

"Dulu Pemuda Umno sangat kritikal, walaupun Umno masih kuat, tetapi bangsa Melayu berasakan parti ini tidak lagi membela mereka. Sebab itu, kami bawa isu dan kritikan seperti ini. Oleh itu jangan melenting, jangan melompat," katanya.

Menjawab kritikan, Ibrahim menegaskan tidak ada seorang pun penceramah yang meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meletak jawatan, sebaliknya meminta beliau mendengar suara orang bawah yang masih sayangkan Umno.

"Tidak semestinya apa yang kita buat kerana kita bencikan Umno. Dulupun orang pernah mengkritik Umno dan Umno menjadi semakin kuat. Saya akui kebanyakan penceramah BBM memang bercakap berdasarkan emosi dan itu memang kita sengajakan.

"Kalau ingin bercakap berdasarkan statistik, kita hanya perlu satu dua jurucakap saja. Hakikatnya ialah pentas ini hanya untuk melahirkan perasaan, macam dulu ketika pelajar membuat demonstrasi (demonstrasi Baling pada 1974), sekurang-kurangnya selepas ini orang akan dengar. Ini adalah sumbangan kami kepada orang ramai.

"Saya tidak kisah kalau orang marahkan saya kerana orang lebih marah kepada Umno sekarang, terutama orang seperti saya yang bekerja keras di kawasan sendiri, tetapi kalah pada pilihan raya (umum lalu). Kalau (orang ramai) marah kepada beberapa orang di dalam Umno, mengapa semua orang mesti dihukum.

"Tetapi, apa yang hendak saya tegaskan ialah kita bukan mahu jadi hero, tetapi ingin membela nasib Melayu. Walaupun, sekarang kita tidak lagi berada dalam kerajaan, kita masih boleh berjuang," tegasnya.

Bagaimanapun, BBM perlu mengakui hakikat bahawa kemelut yang melanda bangsa Melayu sekarang adalah jauh berbeza daripada masalah yang dialami oleh pemimpin dan pejuang politik pada masa lalu.

Oleh itu, usaha mempergunakan tokoh politik veteran seperti Datuk Harun Idris, Datuk Suhaimi Kamaruddin dan Tun Ghafar Baba, sekadar mengingatkan kita akan nostalgia lama. Kemelut yang berlaku hari ini memerlukan sokongan semua pihak, terutama generasi muda yang semakin terhakis semangat keMelayuan mereka.

Setakat mana kesedaran yang boleh dibawa golongan pejuang veteran ini dalam menghadapi kemelut hari ini? Mereka sepatutnya boleh menjadi penasihat terbaik untuk menyelesaikan pertelingkahan sesama Melayu hari ini.

Tetapi, keputusan mereka untuk terus menjadi pengkritik kerajaan tidak kena pada tempatnya. Kita tidak mahu tragedi yang melanda Umno pada 1987 berulang, walaupun situasi yang berlaku sekarang dalam konteks yang berlainan.

Teguran boleh dibuat, tetapi dengan cara yang waras dan bijaksana. Luahan perasaan tidak puas hati dan cubaan untuk menjadi wira di kala Umno ketandusan tokoh untuk diketengahkan hanya akan mengeruhkan keadaan sedia ada.

Justeru, BBM perlu mengkaji semula fungsinya dalam usaha menyatukan semula orang Melayu.

Memorandum yang bakal dilakarkan mengenai pelbagai isu dan masalah Melayu adalah antara usaha yang boleh dipuji, tetapi biarlah ia dilakukan dalam suasana bijaksana ibarat `menarik rambut dari tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak'.

(END)